

TAKTIK BARAT MAHU PECAHKAN MALAYSIA

AM 26 JUL 1992

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman

JITRA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ada unsur luar negara, termasuk media Barat yang cuba memecah-belahkan negara ini dengan harapan Malaysia mengalami nasib yang sama seperti penduduk Eropah Timur dan Soviet Union sekarang.

Beliau berkata, majalah Barat terbabit membuat laporan yang boleh menimbulkan ketegangan di kalangan rakyat dengan menggunakan isu demokrasi, termasuk corak pemerintahan kerajaan Pas di Kelantan.

Menurut Dr Mahathir, dalam laporannya, media Barat menyatakan kononnya Kerajaan Kelantan memerintah secara sederhana dan tidak menekan mana-mana pihak.

"Kita mengetahui ramai rakyat asing, terutama media Barat tidak suka dengan fundamentalis Islam tetapi media terbabit memberi gambaran kononnya kerajaan Pas Kelantan tidak menimbulkan kesusahan kepada rakyat," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, tujuan mereka berbuat demikian adalah untuk mendapatkan sokongan negara luar yang suka melihat Malaysia menghadapi masalah dan memecah-belahkan Islam.

Dr Mahathir juga berkata, Kerajaan Pas Kelantan pula menyambut baik laporan itu, walaupun pada suatu masa dahulu menganggap majalah Barat bersikap anti Islam.

"Jika dahulu Pas antimedia

Barat, kini menyokongnya pula kerana media terbabit memuji pemerintahan di Kelantan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, rakyat harus sedar bahawa media terbabit mahu melihat Malaysia berpecah dan berperang sesama sendiri seperti yang berlaku di Yugoslavia, Czechoslavia dan Soviet Union.

Katanya, negara luar terlalu yakin terhadap amalan demokrasi tanpa menghiraukan ia boleh memberi kesan buruk seperti yang dihadapi banyak negara di Eropah ketika ini.

Beliau berkata, amalan demokrasi Eropah yang memberi kebebasan kepada rakyat membuat tuntutan, bertindak sesuka hati dan kadangkala menggunakan senjata adalah antara punca berlaku perpecahan sehingga menumpahkan darah.

Beliau juga berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa berusaha menjalin kerjasama dengan Pas tetapi ia menghadapi kesukaran.

Katanya, Pas tidak boleh menerima bahawa cara pemerintahan BN dan Umno sesuai dengan Islam dan berpendapat hanya Pas yang mengamalkan ajaran Islam sebenar.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta rakyat terus memupuk perpaduan, bekerjasama dengan semua kaum memajukan negara bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Mengenai Umno, beliau berkata, ahli parti itu harus sabar dan menunggu giliran untuk menjadi pemimpin.